




KEMENTERIAN TENAGA DAN SUMBER ASLI

KERATAN SURAT KHABAR

SURAT KHABAR	:	MINGGUAN MALAYSIA			
TARIKH	:	11/7/2021 (AHAD)	MUKA SURAT	:	8
JABATAN	:	-			



Mingguan Msia,
11 Jul 2021_8

ISU pencerobohan di Empangan Durian Tunggal, Alor Gajah, Melaka dianggap selesai selepas kerajaan negeri mengeluarkan notis terakhir untuk mengosongkan tapak dan keluar dari tanah rizab berkenaan pada Mac lalu. - MINGGUAN/RASUL AZLI SAMAD

Tiada penceroboh huni tanah rizab

MELAKA: Tiada lagi isu pencerobohan tanah milik kerajaan di Melaka membabitkan penanaman tanaman kontan seperti durian Musang King, memandangkan penceroboh di kawasan Empangan Durian Tunggal dekat sini, sudah diambil tindakan.

Bercakap kepada *Mingguan Malaysia*, Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Daerah, Luar Bandar, Pengurusan Banjir dan Teknologi Hijau negeri, Datuk Seri Idris Haron berkata, notis terakhir kepada penceroboh untuk mengosongkan tapak dan keluar dari tanah rizab berkenaan telah dikeluarkan pada Mac lalu.

Beliau berkata, kesemua penceroboh sudah pun berbuat de-

mikian, namun, pokok durian yang telah ditanam tidak ditinggalkan demi memelihara kehijauan persekitaran.

"Setakat ini di Empangan Durian Tunggal sahaja yang wujud pencerobohan penanaman durian Musang King. Tapi pendekatan kerajaan negeri Melaka lebih *friendly*, kita perintah penceroboh keluar.

"Pokok itu dibiarkan tidak dibang bagi tujuan kehijauan dan persekitaran. Dan undang-undang menetapkan, kerajaan negeri tak boleh tebang pokok sesuka hati," katanya ketika dihubungi.

Utusan Malaysia pada Mac lalu melaporkan, sekitar 466.35 ekar tanah rizab Empangan Durian

Tunggal diceroboh pihak tidak bertanggungjawab sehingga ada yang berani membangunkan struktur bangunan kekal.

Ketua Menteri Melaka, Datuk Seri Sulaiman Md. Ali berkata, tinjauan mendapati, pencerobohan bagi tujuan pertanian seperti tanaman durian Musang King, kelapa sawit, dan sebagainya pula dikesan dengan keluasan 52.7 ekar.

Beliau berkata, bagaimanapun, senario itu kini masih terkawal berikutan 75 peratus penceroboh telah pun mengosongkan kawasan setelah diberikan notis pengosongan tapak oleh Badan Kawal Selia Air (BKSA) negeri dan Pejabat Daerah dan Tanah (PDT) Alor Gajah.

